

D236

B B638 DEB
MENTERI

KUALA LUMPUR, 23 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUMUMKAN PERLANTIKAN SEORANG MENTERI, TIGA ORANG TIMBALAN MENTERI DAN SEORANG SETIAUSAHA PARLIMEN YANG BARU.

TIMBALAN MENTERI KEWANGAN ENCIK NG CHENG KIAT DILANTIK SEBAGAI MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN. BELIAU MENGAMBIL ALIH PORTFOLIO YANG SEKARANG DIPEGANG OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA.

DALAM SATU KENYATAAN AKHBAR YANG KELUARKAN HARI INI PERDANA MENTERI BERKATA ANGGOTA PARLIMEN TANJUNG MALIM, ENCIK LOKE YUEN YOW DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN MENTERI KEWANGAN MENGGANTIKAN TEMPAT ENCIK NG CHENG KIAT.

ANGGOTA PARLIMEN PAPAR ENCIK OSU HAJI SUKAM DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MANAKALA ANGGOTA PARLIMEN SILAM ENCIK RAILEY JAFFREY DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN MENTERI PENERANGAN. -- LAGI.
2005MST 23 10 86

D237

B B639 DEB
MENTERI 2 KUALA LUMPUR

ANGGOTA PARLIMEN TAPAH ENCIK M.G.PANDITHAN DILANTIK SEBAGAI SETIAUSAHA PARLIMEN DI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

ENCIK LOKE IALAH ANGGOTA JAWATANKUASA PUSAT MCA.

ENCIK OSU HAJI SUKAM IALAH NAIB PRESIDEN DAN PEMANGKU SETIAUSAHA AGUNG USNO SEMENTARA ENCIK RAILEY JAFFREY IALAH PENERUSI PEMUDA USNO.

ENCIK PANDITHAN IALAH NAIB PRESIDEN MIC.

MENURUT KENYATAAN ITU YANG DI-PERTUAN AGONG TELAH MEMPERKENANKAN KESEMUA PERLANTIKAN ITU.

TARIKH KUATKUASA PERLANTIKAN-PERLANTIKAN ITU IALAH SELEPAS MEREKA MENGANGKAT SUMPAH, KATA KENYATAAN ITU. -- BERNAMA.
2006MST 23 10 86